

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PERKHIDMATAN DUITNOW QR

Takrifan

Terma dan ungkapan yang berikut yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini mempunyai maksud yang berikut:-

“**Akaun**” bermaksud semua akaun deposit yang disenggara dengan kami kecuali akaun deposit tetap dan akaun deposit bertempoh-i. Ini termasuk, tetapi tidak terhad pada, semua jenis akaun simpanan biasa dan/atau akaun semasa Islam, akaun semasa dan/atau kad kredit.

“**Hari Perniagaan**” bermaksud mana-mana hari kalendar dari Isnin hingga Jumaat, kecuali hari cuti umum atau hari cuti bank dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“**QR Rentas Sempadan**” bermaksud perkhidmatan yang memudahkan pembayaran pusat jual kepada Saudagar Asing dengan mengimbas kod QR yang dikeluarkan oleh Penukar yang Mengambil Bahagian.

“**Piawaian Kod QR Nasional DuitNow**” bermaksud spesifikasi Piawaian Kod Respons Segera DuitNow Kebangsaan yang dibangunkan dan diuruskan oleh Pemilik dan Pengendali DuitNow QR.

“**DuitNow QR**” bermaksud perkhidmatan yang memudahkan pembayaran atau pindahan kredit yang merata-rata di seluruh industri dengan mengimbas Kod QR yang mematuhi Piawaian Kod DuitNow Nasional QR atau mana-mana kod QR lain yang disokong oleh Pemilik dan Pengendali DuitNow QR termasuk QR Rentas Sempadan.

“**Pemilik dan Pengendali DuitNow QR**” bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd [No. Pendaftaran Syarikat 200801035403 (836743-D)].

“**QR Dinamik**” bermaksud Kod QR yang dihasilkan apabila diminta dan biasanya mempunyai tempoh tamat. QR Dinamik biasanya memerlukan Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima untuk memasukkan amaun pembayaran atau pindahan kredit.

“**Urus Niaga Silap**” bermaksud urus niaga DuitNow QR yang dibuat secara silap atau tidak betul dalam keadaan yang berikut:-

- (a) Kami memasukkan entri yang silap dalam Akaun anda atau menghasilkan urus niaga DuitNow QR yang tidak sah, tidak betul, salah arah atau berganda bagi pihak anda disebabkan oleh kesilapan teknikal atau kesilapan pengoperasian, dan bukannya kesilapan anda;
- (b) Saudagar Asing atau Saudagar yang menghasilkan urus niaga DuitNow QR yang tidak betul atau berganda disebabkan oleh kesilapan teknikal atau kesilapan pengoperasian;
- (c) Kesilapan teknikal atau pengoperasian oleh Pemilik dan Pengendali DuitNow QR yang menghasilkan urus niaga DuitNow QR yang tidak betul atau berganda;

- (d) Urus niaga ditujukan kepada penerima yang salah, mengandungi rujukan penerima yang salah, membawa amaun atau ID QR yang salah atau berganda.

“**Saudagar Asing**” bermaksud individu yang menetap di luar Malaysia atau sebuah syarikat, badan korporat atau perniagaan (termasuk keempunyaan tunggal dan perkongsian) yang beroperasi di luar Malaysia yang menerima pembayaran melalui perkhidmatan QR Rentas Sempadan), bagi pembelian barang dan/atau perkhidmatan.

“**Saudagar**” bermaksud individu, perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, keempunyaan tunggal, perkongsian, agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan dan/atau entiti lain yang serupa yang menerima bayaran melalui DuitNow QR.

“**Aplikasi Mudah Alih**” bermaksud PB engage, Aplikasi MyPB (MyPB App) dan apa-apa aplikasi perbankan mudah alih lain yang disediakan oleh Bank untuk Pelanggan dari semasa ke semasa, yang kesemuanya merupakan aplikasi perisian yang boleh dimuat turun melalui Apple App Store, Google Play Store, Huawei AppGallery atau storan aplikasi mudah alih lain yang Bank masukkan dari semasa ke semasa.

“**Penukar yang Mengambil Bahagian**” bermaksud institusi asing yang bekerjasama dengan Pemilik dan Pengendali DuitNow QR untuk menyediakan perkhidmatan QR Rentas Sempadan di negara yang berkenaan kepada pemeroleh atau pengeluar (mengikut mana-mana yang berkenaan).

“**Data Peribadi**” bermaksud apa-apa maklumat mengenai urus niaga komersial yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan seseorang individu, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor pasport, maklumat perbankan, alamat e-mel dan nombor telefon individu berkenaan.

“**Kod QR**” bermaksud kod bar dua dimensi yang boleh dibaca menggunakan kamera telefon pintar atau peranti mudah alih yang dilengkapi dengan pembaca QR.

“**ID QR**” bermaksud kod abjad-nombor yang mengenal pasti Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima bagi tujuan mengalihkan perolehan kepada akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima.

“**Penerima**” bermaksud individu yang menerima dana melalui DuitNow QR.

“**Ringgit Malaysia**” atau “**RM**” bermaksud mata wang Malaysia yang sah.

“**QR Statik**” bermaksud Kod QR yang dikeluarkan lebih awal untuk ditunjukkan dan biasanya tidak mempunyai tarikh luput. QR Statik biasanya memerlukan pembayar untuk memasukkan jumlah bayaran atau pindahan kredit.

“**Terma dan Syarat**” bermaksud terma dan syarat ini yang mengawal penggunaan DuitNow QR termasuk apa-apa perubahan, pindaan, semakan semula dan/atau pengubahsuaian yang dibuat oleh kami dari semasa ke semasa.

“**Urus Niaga Tidak Dibenarkan**” merujuk keadaan yang berikut:-

- (a) Pembayaran yang dimulakan atau dihasilkan oleh pihak-pihak yang tidak dibenarkan untuk membuat pembayaran tersebut. Ini termasuk keadaan apabila arahan pembayaran dibuat oleh pihak ketiga yang mendapat akses kepada Akaun anda secara tidak sah;
- (b) Suatu pembayaran yang didorong secara yang tidak jujur atau menipu. Ini termasuk keadaan apabila anda telah membuat pembayaran akibat jenama DuitNow tipu yang dipamerkan oleh pihak ketiga yang kononnya Saudagar Asing, Saudagar atau pihak ketiga yang menyamar sebagai Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima.

“**Kami**”, “**milik kami**” dan “**Bank**” merujuk Public Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6364-H)] atau Public Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 (14328-V)], mengikut mana-mana yang berkenaan, dan termasuk kesemua pengganti dan penerima serah haknya.

“**Anda**” dan “**milik anda**” merujuk pelanggan kami yang menggunakan perkhidmatan DuitNow QR dan mempunyai Akaun dengan kami.

1. PENGENALAN

- 1.1 Terma dan Syarat ini diterima pakai kepada dan mengawal selia penggunaan perkhidmatan DuitNow oleh anda yang ditawarkan oleh kami. Anda dinasihatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menggunakan perkhidmatan DuitNow. Jika anda menggunakan perkhidmatan DuitNow, anda dianggap sebagai telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 1.2 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:
 - (a) Terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank yang boleh didapati melalui laman web kami; dan
 - (b) Terma dan syarat yang mengawal Akaun yang boleh didapati melalui laman web kami.

Terma dan syarat yang dirujuk dalam Fasal 1.2 (a) dan (b) di atas akan dirujuk secara kolektif sebagai “Terma Lain”.

Jika terdapat pertikaian atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Terma Lain, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow QR.

- 1.3 Perkhidmatan QR Rentas Sempadan ini adalah lanjutan daripada perkhidmatan DuitNow QR yang membolehkan anda untuk memindahkan dana dalam akaun Saudagar Asing dengan mengimbas kod QR yang dihasilkan oleh Penukar yang Mengambil Bahagian.

2. PERKHIDMATAN DUITNOW QR

- 2.1 Perkhidmatan DuitNow QR membolehkan anda untuk memindahkan dana daripada Akaun anda yang ditentukan kepada akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima dengan mengimbas Kod QR Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima. Perkhidmatan ini juga membolehkan anda untuk memindahkan dana kepada Saudagar Asing atau Saudagar dengan mengeluarkan Kod QR pembayar untuk diimbas oleh Saudagar Asing dan Saudagar.
- 2.2 Jika anda ingin menghantar dana melalui DuitNow QR, mula-mula sekali anda mesti memilih Akaun untuk digunakan oleh kami untuk pemotongan dana bagi urus niaga yang dibuat melalui DuitNow QR. Aplikasi Mudah Alih kami akan membolehkan anda untuk membuat bayaran secara tekan butang dengan mengimbas kod QR Statik atau kod QR Dinamik yang dipamerkan oleh Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima, atau membuat pembayaran tarik dengan menghasilkan kod QR Dinamik pada perkhidmatan mudah alih untuk diimbas oleh Saudagar Asing atau Saudagar.
- 2.3 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa amaun urus niaga yang dimasukkan atau ditunjukkan pada skrin Aplikasi Mudah Alih anda adalah betul sebelum mengesahkan urus niaga berkenaan. Amaun urus niaga yang dimasukkan atau ditunjukkan melalui Kod QR Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima akan dianggap oleh kami sebagai betul selepas anda mengesahkan urus niaga tersebut. Kami tidak akan, dalam apa juga keadaan, dipertanggungjawabkan untuk menentusahkan amaun yang dibayar oleh anda sepadan dengan amaun yang diminta oleh Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima.
- 2.4 Kami akan memaklumkan kepada anda tentang status setiap urus niaga DuitNow QR yang berjaya, gagal atau ditolak melalui Aplikasi Mudah Alih kami atau mana-mana saluran komunikasi kami yang ada seperti yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- 2.5 Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab dan tidak akan dikehendaki untuk mengambil apa-apa langkah untuk menentusahkan atau mendapatkan apa-apa pengesahan lain daripada mana-mana pihak sama ada Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima adalah pihak yang sepatutnya menerima dana tersebut, dan kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk memindahkan dana itu kepada Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima berkenaan walaupun jika orang berkenaan bukanlah pihak yang sepatutnya.
- 2.6 Menurut Fasal 2.5 di atas, anda bersetuju bahawa sebaik sahaja urus niaga DuitNow QR disahkan, urus niaga itu akan dianggap sebagai tidak boleh dibatalkan dan anda tidak boleh membatalkan, menghentikan atau membuat apa-apa perubahan kepada urus niaga DuitNow QR itu.

3. PEMEROLEHAN SEMULA DANA

- 3.1 Anda mempunyai hak berkaitan dengan siasatan dan mendapatkan semula pembayaran yang salah, bayaran yang silap dan urus niaga DuitNow QR yang tidak dibenarkan atau yang berbentuk penipuan yang dibuat daripada Akaun anda.

- 3.2 Bagi perkhidmatan QR Rentas Sempadan, semua pembayaran yang dipertikaikan akan dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh urus niaga. Kami dan Pemilik serta Pengendali DuitNow QR berhak untuk menolak apa-apa pertikaian yang dikemukakan oleh anda selepas tempoh berkenaan.

4. URUS NIAGA DUITNOW QR YANG SILAP/SALAH

- 4.1 Jika anda membuat kesilapan semasa membuat urus niaga DuitNow QR itu, anda boleh memohon untuk mendapatkan balik dana tersebut dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan mulai dari tarikh Urus niaga yang Silap itu. Kami akan bekerjasama dengan Penukar yang Mengambil Bahagian itu dan/atau Saudagar Asing, Saudagar atau bank Penerima untuk memulangkan dana tersebut kepada anda dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan jika syarat-syarat di bawah dipenuhi:

4.1.1 Dana itu sebenarnya telah tersilap dikreditkan dalam akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima; dan

4.1.2 Jika baki telah tersilap dikreditkan, sama ada baki dalam akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima itu mencukupi untuk menampung dana yang hendak dipulangkan balik itu:

(a) Jika baki itu mencukupi untuk menampung amaun yang hendak didapatkan semula itu, amaun yang tersilap dikreditkan itu boleh diperolehi semula; dan

(b) Jika baki tidak mencukupi untuk menampung amaun yang hendak didapatkan semula itu, amaun yang tersilap dikreditkan itu mungkin tidak boleh diperolehi semula.

- 4.2 Jika permintaan anda untuk mendapatkan balik dana itu dibuat antara sebelas (11) Hari Perniagaan hingga tujuh (7) bulan dari tarikh Urus Niaga Silap itu dibuat, kami akan bekerjasama dengan Penukar yang Mengambil Bahagian itu dan/atau bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima untuk memulangkan dana itu kepada anda tertakluk pada yang berikut:

4.2.1 Bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan itu berpuas hati sepenuhnya bahawa dana itu telah tersilap dikreditkan kepada Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan; dan

4.2.2 Bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan akan menghantar notifikasi kepada Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima secara bertulis mengenai permintaan untuk memperoleh balik dana yang mana dana yang tersilap dikreditkan itu akan diperolehi semula melalui pendebitan dalam akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan daripada tarikh notifikasi melainkan Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan memberi bukti yang munasabah bahawa Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan berhak ke atas dana tersebut.

Selepas lima belas (15) Hari Perniagaan, jika Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan gagal untuk membuktikan kelayakannya terhadap dana tersebut, bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan akan mendebitkan akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima bank yang berkenaan dan membayar balik dana itu kepada anda.

- 4.3 Jika permintaan anda untuk mendapatkan balik dana itu dibuat selepas tujuh (7) bulan daripada tarikh Urus Niaga Silap itu dibuat, kami akan bekerjasama dengan Penukar yang Mengambil Bahagian dan/atau bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan untuk memulangkan dana itu kepada anda tertakluk pada yang berikut:
- 4.3.1 Bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan berpuas hati sepenuhnya bahawa dana itu tersilap dikreditkan kepada Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan;
 - 4.3.2 Bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan akan mendapatkan keputusan daripada Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan sama ada untuk memberi keizinan untuk mendebit akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan; dan
 - 4.3.3 Sebaik sahaja keizinan diperoleh, bank Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan akan mendebitkan akaun Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang berkenaan dan membayar dana itu semula kepada anda dalam tempoh satu (1) Hari Perniagaan.

5. URUS NIAGA DUITNOW QR YANG TIDAK DIBENARKAN ATAU BERUNSUR PENIPUAN

- 5.1 Bagi Urus Niaga yang Tidak Dibenarkan, kami akan, selepas menerima laporan daripada anda yang mendakwa bahawa Urus Niaga yang Tidak Dibenarkan telah dibuat, membayar semula dana itu kepada anda jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi:
- 5.1.1 Kami akan menjalankan siasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar, jika Urus Niaga yang Tidak Dibenarkan ini berlaku; dan
 - 5.1.2 Jika kami berpuas hati bahawa Urus Niaga yang Tidak Dibenarkan itu benar-benar berlaku dan bukannya disebabkan oleh anda, kami akan memulakan proses pemulangan balik semua debit yang dihantar dalam Akaun anda berikutan Arahan Pembayaran yang tidak dibenarkan itu.

6. LIABILITI DAN TANGGUNG RUGI

- 6.1 Anda mengakui dan bersetuju bahawa, kecuali dilarang secara nyata oleh undang-undang mandatori, kami dan Pemilik dan Pengendali DuitNow QR tidak bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa liabiliti, kos, ganti rugi, tuntutan, tindakan atau prosiding dalam apa juga bentuk kerugian langsung, tidak langsung atau sampingan, dalam apa juga bentuk berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow QR yang ditawarkan oleh kami disebabkan oleh:
- 6.1.1 Kecuaian, salah laku atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh anda;
 - 6.1.2 Dana tidak mencukupi dalam Akaun anda untuk kami memproses urus niaga DuitNow QR;
 - 6.1.3 Anda telah melepasi had pindahan harian;
 - 6.1.4 Apa-apa arahan pembayaran yang diberi atau dikatakan diberi oleh anda;
 - 6.1.5 Apa-apa pindahan dana yang silap oleh anda, termasuk apa-apa pindahan dana kepada Saudagar Asing, Saudagar atau Penerima yang silap atau pihak ketiga yang salah;
 - 6.1.6 Apa-apa kegagalan, penangguhan, kesilapan atau dana yang tidak dihantar disebabkan oleh penyelenggaraan sistem, kerosakan atau ketiadaan rangkaian, perisian atau perkakasan kami dan/atau Pemilik dan Pengendali DuitNow QR; atau
 - 6.1.7 Penangguhan, penamatan atau pemberhentian perkhidmatan DuitNow QR.
- 6.2 Anda hendaklah menanggung rugi kami, sekutu kami dan Pemilik dan Pengendali DuitNow QR terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan oleh apa-apa tuntutan, prosiding, atau tindakan yang dikenakan terhadap kami, sekutu kami dan Pemilik dan Operator DuitNow QR akibat daripada apa-apa kecuaiian dan/atau tindakan penipuan kepada Terma dan Syarat ini oleh anda.

7. AM

Caj

- 7.1 Kami boleh, pada bila-bila masa, menyemak semula caj bagi penggunaan perkhidmatan DuitNow QR, dengan memberi anda notis bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari. Semakan semula itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis. Jika anda meneruskan akses kepada atau menggunakan perkhidmatan DuitNow QR selepas notifikasi itu, anda akan dianggap sebagai telah membaca, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan semakan semula berkenaan.

Penamatan

- 7.2 Anda mengakui bahawa kami boleh menamatkan penggunaan perkhidmatan DuitNow QR oleh anda atas apa jua sebab, pada bila-bila masa dan dengan notis terlebih dahulu.
- 7.3 Walau apapun fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, kami boleh menggantung atau menamatkan penggunaan perkhidmatan DuitNow oleh anda dengan serta-merta, jika:
- 7.3.1 Anda mengugut untuk melanggar atau telah melanggar apa-apa fasal dalam Terma dan Syarat ini;
 - 7.3.2 Anda tidak lagi menyenggara apa-apa Akaun dengan kami yang boleh digunakan bagi perkhidmatan DuitNow QR;
 - 7.3.3 Akses anda kepada perkhidmatan DuitNow QR disekat oleh kami atau mana-mana pihak lain oleh apa-apa sebab termasuk pematuhan kepada perintah mahkamah;
 - 7.3.4 Anda telah meninggal dunia atau anda menjadi kurang upaya, tidak waras, tidak solven, bankrap atau tertakluk pada prosiding kehakiman;
 - 7.3.5 Pada bila-bila masa selepas anda mendaftar untuk perkhidmatan DuitNow QR, undang-undang dan peraturan yang mengawal kami menjadikannya tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak mungkin untuk kami memberi anda atau terus memberi kepada anda akses kepada perkhidmatan DuitNow QR atau untuk mematuhi obligasi kami di bawah Terma dan Syarat ini;
 - 7.3.6 Terdapat apa-apa siasatan yang dijalankan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang masih belum selesai, sedang dijalankan atau akan dikenakan terhadap anda;
 - 7.3.7 Terdapat laporan polis terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
 - 7.3.8 Kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa perkhidmatan DuitNow QR ini digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
 - 7.3.9 Apa-apa siasatan yang akan atau sedang dijalankan oleh kami ke atas anda atau Akaun anda dan/atau apa-apa urusan niaga berkaitan dengan Akaun anda.

Kos dan Perbelanjaan

- 7.4 Anda bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada kos guaman) yang dihadapi oleh kami berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, penggunaan perkhidmatan DuitNow QR, penguatkuasaan atau cubaan untuk memelihara atau menguatkuasakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini atau apa-apa perkara berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow QR dan/atau Akaun anda.
- 7.5 Anda membenarkan kami untuk mendebit semua kos dan perbelanjaan daripada mana-mana Akaun anda.

Kebolehserah Hak

- 7.6 Anda tidak boleh menyerahkan hak dan/atau memindahkan apa-apa hak dan obligasi anda di bawah Terma dan Syarat ini.
- 7.7 Kami boleh menyerahkan hak semua atau mana-mana hak, hak milik dan kepentingan kami di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana orang yang kami anggap sesuai.

Perubahan/Pindaan

- 7.8 Anda mengakui bahawa kami mempunyai hak untuk menukar, mengehad, mengubah, menggantung atau mengubah suai Terma dan Syarat ini dengan memberi anda notis selama tiga puluh (30) hari dengan cara yang kami anggap sesuai. Dengan terus mengakses kepada dan/atau menggunakan perkhidmatan DuitNow QR selepas notifikasi berkenaan, anda dianggap sebagai telah membaca, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan semakan semula itu.

Force Majeure

- 7.9 Anda mengakui bahawa jika kami tidak dapat melaksanakan obligasi kami di bawah Terma dan Syarat ini atas sebab di luar kawalan kami termasuk tetapi tidak terhad pada:
- 7.9.1 Apa-apa peralatan, sistem atau pautan transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi;
- 7.9.2 Apa-apa kebakaran, banjir, letupan, tindakan jenayah, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, bekalan kuasa yang terputus, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
- 7.9.3 Apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan air dan minyak; atau
- 7.9.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang kami daripada melaksanakan obligasi di bawah Terma dan Syarat ini,

Kami tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang anda mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

Tanggungjawab Kerahsiaan

- 7.10 Anda mengakui keperluan ketat berhubung kerahsiaan dan obligasi yang dikenakan terhadap kami dan mengaku janji untuk tidak membuat atau menyebabkan untuk dibuat suatu tindakan atau ketertinggalan yang mungkin menyebabkan kami mungkir tanggungjawab kerahsiaan dan obligasi kami. Obligasi anda hendaklah melepasi penamatan penggunaan DuitNow QR.
- 7.11 Jika anda menerima apa-apa bahan atau data yang mengandungi maklumat yang anda bukannya penerima sebenarnya, anda hendaklah meletakkan notis bahawa penggunaan, pengedaran, pengagihan atau salinan bahan atau data itu adalah dilarang dan tertakluk pada keistimewaan undang-undang. Anda bersetuju untuk memadam bahan atau data sedemikian dan memaklumkan kepada kami dengan segera.

Penepian

- 7.12 Tiada kegagalan atau penangguhan di pihak kami dalam melaksanakan mahupun mengecualikan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan, atau remedi yang disediakan dalam Terma dan Syarat ini yang dianggap sebagai penepian oleh kami untuk melaksanakan hak, kuasa, keistimewaan atau akur keingkaran tersebut.
- 7.13 Kami mengekalkan hak pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan dengan ketat atau menekankan hak kami berkenaan dengan kemungkiran atau apa-apa pelanggaran selepas itu oleh anda.

Kebolehasingan

- 7.14 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau melanggar undang-undang, fasal yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau melanggar undang-undang tersebut akan dianggap sebagai tidak diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baki peruntukan dalam Terma dan Syarat ini akan terus efektif dan dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa juga cara oleh peruntukan yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau melanggar undang-undang.

Notis

- 7.15 Semua notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi yang diberikan oleh kami boleh dihantar melalui mana-mana cara yang berikut:
- 7.15.1 Dengan tangan ke alamat terakhir anda yang diketahui oleh kami dan akan dianggap dihantar pada masa penghantaran ke alamat anda;

- 7.15.2 Melalui pos (berdaftar, Berdaftar AR, biasa atau sebaliknya) ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami dan akan dianggap telah diterima dua (2) hari selepas tarikh ia dipos;
- 7.15.3 Melalui mel elektronik ke alamat e-mel terakhir anda yang diketahui dalam rekod Bank dan akan dianggap sebagai telah diterima pada masa mel elektronik selesai;
- 7.15.4 Melalui penghantaran faksimile ke nombor faksimile yang terakhir diketahui oleh Bank dan akan dianggap telah diterima pada masa penghantaran faksimile selesai;
- 7.15.5 Dengan mempamerkan di premis perniagaan kami dan akan dianggap sebagai telah diterima semasa ia dipamerkan;
- 7.15.6 Melalui iklan dalam satu sisipan dalam mana-mana akhbar utama dan pemberitahuan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh penerbitan iklan tersebut dalam mana-mana akhbar berkenaan;
- 7.15.7 Dengan memasukkan notis dalam penyata Akaun kepada anda dan pemberitahuan sedemikian akan berkuat kuasa dua (2) hari selepas tarikh pengeposan notis berkenaan yang terkandung dalam penyata Akaun;
- 7.15.8 Dengan mengumumkan dalam laman web atau Aplikasi Mudah Alih kami dan akan dianggap sebagai telah diterima pada hari pengumuman dibuat;
- 7.15.9 Melalui SMS kepada nombor telefon mudah alih yang terakhir diketahui kepada kami dan akan dianggap sebagai telah diterima pada masa penghantaran SMS selesai; dan/atau
- 7.15.10 Cara lain yang akan ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.

Data Peribadi

- 7.16 Anda mengizinkan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi anda oleh kami, sekutu kami, penyedia perkhidmatan kami, dan Pemilik dan Pengendali DuitNow QR seperti yang diperlukan bagi tujuan perkhidmatan DuitNow QR. Anda mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami yang boleh didapati melalui laman web kami. Anda bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi itu akan dianggap sebagai digabungkan dengan merujuk pada Terma dan Syarat ini.
- 7.17 Jika anda memberi apa-apa Data Peribadi anda kepada pihak ketiga individu kepada kami, anda mengesahkan bahawa anda telah memperoleh keizinan daripada pihak ketiga itu sebelum mendedahkan Data Peribadi itu kepada kami dan pihak ketiga yang bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami.

Undang-Undang dan Bidang Kuasa

- 7.18 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan anda tanpa boleh batal bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 7.19 Anda bersetuju untuk mengetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau sebab lain yang serupa.
- 7.20 Penggunaan perkhidmatan DuitNow QR di luar Malaysia tertakluk pada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Notis mengenai Dasar Pertukaran Asing, apa-apa keperluan fiskal atau kawalan pertukaran atau peraturan dalam negara di mana urus niaga itu dilaksanakan atau dipohon.
- 7.21 Amaun maksimum urus niaga dan tujuan ia dilaksanakan akan ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang serta peraturan negara dalam mana urus niaga itu dilaksanakan atau dipohon.
- 7.22 Anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi semua undang-undang yang diterima pakai ke atas anda dalam bidang kuasa anda berkaitan dengan DuitNow QR.

Pengikat Pengganti

- 7.23 Terma dan Syarat ini akan mengikat ke atas waris, wakil peribadi dan pengganti serah hak dan pengganti dan penerima serah hak kami.

8. DASAR ANTIRASUAH DAN ANTISOGOKAN BANK

- 8.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antirasuah dan Antisogokan (“Dasar ABAC”) yang menerima pakai “pendekatan toleransi sifar” terhadap apa jua bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC, sila layari laman web Bank.
- 8.2 Anda hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan rasuah atau sogokan yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 8.3 Bank mempunyai hak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan kepada anda dengan serta-merta sekiranya anda didapati memungkirkan Dasar ABAC atau terlibat dengan tindakan rasuah atau amalan sogokan.

[RUANG SELEBIHNYA PADA MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]